



Buletin SWADD

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy



WACANA ILMU, MEMUGAR AMAL

Seminar Penghayatan Surah Al-Fatihah & Solat (FALAH 3.0)

KUALA LUMPUR, 13 APRIL - Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) telah berjaya menganjurkan program Seminar Penghayatan Surah Al-Fatihah & Solat 2019 (FALAH 3.0) dengan kerjasama Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Seminar yang berlangsung di Dewan Kaca Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada kalangan jemaah dan orang awam. Seramai 120 peserta telah menyertai seminar ini yang menumpukan kepada pengkhususan tajuk tertentu. Sebanyak tiga slot pembentangan kertas kerja telah dibentang di dalam seminar bagi edisi ketiga ini.

Slot pembentangan kertas kerja dimulakan dengan tajuk "Rahsia Hubungan Solat dengan Manusia" yang dibentangkan oleh Prof Madya Dr Mohd Sukki @ Shauqi Othman dari Universti Putra Malaysia. Antara isi utama yang ditekankan oleh Prof Madya Dr Mohd Sukki adalah Solat merupakan anak kunci untuk memperoleh syurga Allah.

sambungan >> 6



Menarik di dalam



World Convention Al-Kahf
>> 7

Masterclass Perbankan & Kewangan Islam
>> 11



Seuntas Bicara

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على رسوله الكريم وعلى آله وأصحابه أجمعين

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas berkat limpahan rahmat dan kurniaan nikmatNya, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat dan para tabi'in. Firman Allah SWT:


“Dan di antara orang-orang yang Kami ciptakan ada umat yang memberi petunjuk dengan hak (memimpin manusia kepada kebenaran) dan dengan kebenaran itu mereka menjalankan keadilan.” (Surah Al-A'raf: Ayat 181)

Saya bersyukur kepada Allah SWT buat kali ketiganya, SWADD dapat menerbitkan Buletin SWADD Januari – Disember 2019 untuk tatapan para jemaah sekalian. Sesungguhnya SWADD sebagai sebuah Surau Diri Jumaat yang menjadi sebahagian daripada ikon wakaf utama Malaysia iaitu Menara Ijarah Wakaf atau Menara Bank Islam telah berusaha untuk menjalankan fungsinya bukan hanya sekadar sebagai tempat solat bahkan sebagai pusat pembangunan rohani, keilmuan dan kebajikan kepada anggota dan masyarakat di tengah-tengah kota kosmopolitan, bahkan impaknya melangkaui sempadan negeri dan negara. Aktiviti-aktiviti SWADD yang dianjurkan adalah bertujuan bagi memanjangkan manfaat wakaf (tauzi' al-Waqf) yang mula dipelopori oleh Al-marhum Ahmad Dawjee Dadabhoy dengan mewakafkan tanah ini kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Kemurahan hati para jemaah yang menyumbangkan sumbangan khususnya setiap hari Jumaat dan sokongan pengurusan Bank Islam Malaysia Berhad, SWADD bukan sahaja dapat menyediakan fasiliti terbaik untuk keselesaan ibadah para Jemaah, bahkan telah berjaya melaksanakan beberapa program berimpak tinggi dalam bulan Januari - Disember 2019. Antaranya penganjuran Kongres Ekonomi dan Pengimarahkan Masjid Peringkat Wilayah Persekutuan. Persidangan ini telah mengumpulkan hampir 1500 orang yang terdiri daripada Pengerusi serta Jawatankuasa Kariah Masjid dan surau Jumaat dan surau-surau di Wilayah Persekutuan di samping peserta dari Jabatan dan agensi, pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan. Program-program lain juga telah disemarakkan dan diperincikan dalam buletin ini. Dari aspek tata kelola dana awam, sesungguhnya Buletin SWADD ini adalah satu usaha pendedahan dan pelaporan (disclosure and reporting) pengurusan dana yang diamanahkan kepada Jawatankuasa SWADD oleh para jemaah.

Menutup bicara, saya mewakili seluruh Ahli Jawatankuasa dan Pegawai SWADD merakamkan jutaan penghargaan kepada seluruh jemaah SWADD atas sumbangan dan sokongan dalam mengimarahkan SWADD serta usaha-usaha pelebaran manfaatnya kepada ummah melampaui sempadan Jalan Perak di ibukota ini. Semoga amalan ikhlas ini akan dituai hasilnya di akhirat kelak dengan penuh kegembiraan.

Haji Mohd Nazri Chik
Pengerusi SWADD



VISI SWADD Menjadi sebagai Surau Jumaat contoh di dalam Wilayah Persekutuan dalam memberi khidmat kepada ummah	Sidang redaksi Penasihat Ustaz Haji Mohd Nazri Chik Pengerusi SWADD Encik Azmir Abdul Malek AJK SWADD Ketua Sidang Redaksi Ustaz Mohd Juzaili Juhan Setiausaha SWADD Sidang Redaksi AbdulHadi Ab Rahman Mohammad Syazwan Hamzah Muhammad Nazrie Abdurrahim Grafik, Rekabentuk & Fotografi Yusof Assidiqqi Ahmad Sharkawi	Sebarang komen atau cadangan penambahbaikan sila hubungi : Pejabat Pengurusan, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy Tingkat 15, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur ☎ 03-2164 6318/6317 ✉ swaddmbi@gmail.com 📘 Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy 📷 swadd_mbi 🌐 www.swadd.com.my
MISI SWADD 1. Penghayatan Ibadah 2. Peningkatan Ilmu dan Dakwah 3. Prihatin Ummah 4. Fasiliti yang Efektif dan Kondusif		



CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA

SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY
2018-2020



PENGERUSI

USTAZ HAJI MOHD NAZRI CHIK

(Pengurus Besar, Hubungan Strategik, Bank Islam Malaysia Berhad)



SETIAUSAHA

USTAZ MOHD JUZAILI JUHAN

(Penolong Pengurus Bahagian Syariah,
Bank Islam Malaysia Berhad)



TIMB. PENERUSI

ENCIK ROSLI UMAR

(Pengurus Fasiliti, THP Sinar)



BENDAHARI

USTAZ MOHAMAD FAIZ IBRAHIM

(Pengurus, Pusat Intelektual & Kecemerlangan,
Bahagian Perbankan Pengguna, Bank Islam Malaysia Berhad)

• **AHLI JAWATANKUASA** •



PUAN AZIZAH ABDUL AZIZ

(Penolong Pengurus Besar, Pentadbiran Am
Bank Islam Malaysia Berhad)



ENCIK AZMIR ABDUL MALEK

(Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat,
Bank Islam Malaysia Berhad)



**USTAZ SAIFUL ANUAR
HAMBALI**

(Ketua Pegawai Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad)



**ENCIK AHMAD SUHAIMI
HASSAN**

(Penolong Pengurus Besar, Pengurusan Harta & Projek,
Bank Islam Malaysia Berhad)



ENCIK GAFOR MOHD NOR

(Pengurus, Pejabat Pelajar Antarabangsa, Kuala Lumpur
Metropolitan University College)



PUAN SURYATI ABU SUJAK

(Pengurus Kanan, Proses dan Metodologi Operasi Cawangan,
Bank Islam Malaysia Berhad)



**ENCIK MOHD RIZAL
YAHYA**

(Penyelia Bahagian Fasiliti Bangunan, THP Sinar)

• **PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM** •

• **NOJA** • • **PEMERIKSA KIRA-KIRA** •



**USTAZ ABDULHADI
AB RAHMAN**



**USTAZ MUHAMMAD
SYAZWAN HAMZAH**



**USTAZ YUSOF ASSIDIQQI
AHMAD SHARKAWI**



**ENCIK MUHAMMAD
NAZRIE ABDURRAHIM**



**ENCIK MOHD SAIFUDDIN
WAHAB**



**ENCIK SYAHREL AZLEE
ABDULLAH**

PEJABAT PENGURUSAN SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY

Tingkat 15, Menara Bank Islam, No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur | Tel: 03-2164 6317 / 6318

• Email : info@swadd.com.my • FB : Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoi • Website : www.swadd.com.my

ALLAHYARHAM AHMAD DAWJEE DADABHOY

Tanpa sikap pemurah dan dermawan Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy (ADD), tidak mungkin sebuah Menara kebanggaan umat Islam kini tersergam di Jalan Perak.

Tanah di Lot 168 & 169 merupakan hartanah yang diwakafkan oleh Allahyarham ADD. Pada tahun 1940an, Allahyarham ADD memilih untuk menetap di Semenanjung Tanah Melayu setelah merantau berdekad di pelbagai pelusuk dunia. Fasih dalam pelbagai bahasa dan amat gemar pada kitab dan ilmu dengan rangkaian kenalan di merata dunia, beliau merupakan seorang hartawan dan ahli perniagaan yang sudah pun berjaya tatkala itu.

Beliau yang dilahirkan pada tahun 1907 di Gujrat, India telah menceburi bidang perniagaan dan telah mengumpul kekayaan hartanah dan saham. Dari awal lagi, beliau telah menginfakkan hartanya melalui institusi wakaf. Institusi tersebut pada asalnya merupakan wakaf keluarga tetapi kemudiannya dinamakan Alwaaful Islamiul Alamee. Suratcara penubuhan wakaf ini telah diedarkan pada tahun 1971.

Dengan penampilan gaya hidup yang sederhana, kediaman beliau sehingga akhir hayat hanyalah sebuah flat di Masjid India yang dipenuhi dengan kitab-kitab serta majalah. Tiada siapa yang tahu warga tua yang sering kelihatan di warung-warung persekitaran merupakan seorang dermawan yang murah hati.



Pada 24 Januari 1987, beliau telah kembali ke rahmatullah. Sebelum meninggal dunia, Allahyarham telah menyatakan hajat beliau untuk memberikan wakaf yang terdiri daripada beberapa harta benda dan juga tabung dana kepada pihak berkuasa agama.

Harta beliau telah diserahkan kepada MAIWP melalui "vesting order" yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 18 September 1991 setelah beliau meninggal dunia dan mahkamah mendapati Allahyarham ADD tidak mempunyai waris.

Bermula dengan sikap dermawan dan pemurah Allahyarham ADD, ianya kini menjadi mercu tanda dan kebanggaan dan umat Islam. Pulangan yang diterima oleh MAIWP akan dipulangkan untuk manfaat asnaf dan ummah seluruhnya. Betapa besar manfaat yang diperolehi berpunca dari amalan wakaf Allahyarham ADD.

Selain tanah di Jalan Perak ini, MAIWP turut bertanggungjawab kepada hartanah Allahyarham iaitu 1 lot kedai di Kompleks Pertama, Kuala Lumpur dan 3 buah rumah di sekitar Kuala Lumpur. Di samping hartanah tersebut, MAIWP turut menjadi pemegang amanah kepada harta wakaf Allahyarham yang berbentuk saham dalam dan luar negeri.

Allahyarham ADD merupakan seorang yang rajin membaca. Beliau memiliki banyak koleksi buku di mana setelah beliau meninggal dunia MAIWP telah menyimpan sebanyak 1,077 buah buku dan kini disimpan di Perpustakaan Kolej Profesional Baitulmal, Kampung Pandan.



Ketelitian ADD dalam pembacaan dapat dilihat melalui catitan-catitan tangan pada buku yang dibaca



Premis rumah dan lot kedai yang diwakafkan oleh ADD

Sumber rujukan : 4 Dekad MAIWP : Memacu Kegemilangan Ummah, Cetakan 2015



KRONOLOGI PENUBUHAN

SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY, MENARA BANK ISLAM

Pembangunan Tanah Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy.

Antara harta wakaf Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy ialah sebidang tanah bersebelahan di Jalan Perak, Kuala Lumpur, dengan keluasan 1.2 ekar. Selepas Perang Dunia Kedua, tanah ini merupakan kawasan banglo mewah. Dengan peredaran zaman, corak pembangunan di sekitar bertukar menjadi menara pejabat, hotel dan kawasan ini menjadi terkenal sebagai Segitiga Emas Kuala Lumpur.

Nilai kawasan ini semakin meningkat dengan pembangunan persekitaran yang pesat ditambah dengan terbinanya Menara Berkembar Petronas yang masyhur di persada dunia pada tahun 1996. Pada awal milenium, nilai harta wakaf tersebut sudah menjangkau lebih RM34 juta.

MAIWP, sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Wilayah Persekutuan, menyahut cabaran untuk membangunkan tanah wakaf tersebut agar tidak ketinggalan sebagai medan letak kereta sahaja.


Cabaran terbesar ialah untuk mendapatkan modal pembangunan. Syarat tanah wakaf yang tidak boleh dijual dan dicagar menjadi kekangan kepada pelabur swasta dan institusi kewangan. Pemaju hartanah juga lebih cenderung kepada penjualan unit selepas dibina, supaya keuntungan cepat diperolehi.

Perkongsian Pintar.

Kumpulan Syarikat TH Properties dengan asas kepakarannya dalam bidang pembinaan telah mengemukakan cadangan pembangunan dengan ciri-ciri berikut ;

- Bangunan pejabat kelas 'A' 34 tingkat dengan kos RM151 juta.
- Struktur pembiayaan "Build-Operate-Transfer"
- Pajak 25 tahun
- Pulangan RM56.6 juta kepada MAIWP semasa tempoh pajak
- Keseluruhan bayaran sewa menjadi milik MAIWP selepas tempoh pajak.

Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), berpandukan pengalamannya dalam bidang pembangunan dan pelaburan hartanah, memberi sokongan penuh terhadap cadangan ini dengan menawarkan pembiayaan 100% bagi pembangunan tersebut. Pelaburan ini bukan sahaja akan mendatangkan pulangan berkala berpanjangan untuk para pendeposit tetapi juga menepati salah satu misi Tabung Haji untuk memperkasakan ekonomi umat Islam.



Struktur projek ini dilengkapi dengan komitmen Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), yakni perintis perbankan Islam di Malaysia, sebagai penyewa utama. Bank Islam menjadikan bangunan ini sebagai ibu pejabatnya, sejajar dengan statusnya sebagai peneraju sistem kewangan Islam di Malaysia. Perjanjian Penyewaan antara Bank Islam dan Tabung Haji telah ditandatangani pada Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Tanah Wakaf yang telah disempurnakan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 08 Jun 2007.

Satu perkongsian pintar telah diwujudkan antara keempat-empat organisasi Islam - pentadbir aset, pengurus dana, institusi kewangan dan pengurus projek, bagi memastikan penambahan nilai yang optima pada tanah wakaf tersebut dalam memberi manfaat kepada masyarakat Islam setempat. Sebagai pengiktirafan, MAIWP telah mendapat Anugerah Pembangunan Hartanah Wakaf Terbaik pada tahun 2009 untuk projek ini.

Renungkan manfaat yang berpunca daripada amalan wakaf Allahyarham.

Sebuah mercu tanda kebanggaan umat Islam dibangunkan di pusat pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur. Hasil bangunan semasa tempoh pajak, akan dinikmati oleh pendeposit Tabung Haji.

Sebahagian hasil bangunan semasa tempoh pajak dan keseluruhannya hasil bangunan selepas tamat tempoh pajak, dapat disalurkan oleh MAIWP bagi kerja-kerja kebajikan. Penggunaan bangunan wakaf sebagai ibu pejabat Bank Islam memainkan peranan dalam perkembangan industri perbankan Islam di samping mendorong amalan wakaf. Kemudahan tambahan bagi umat Islam setempat mengerjakan solat Jumaat di surau tersebut.

Semoga Allah mencurahi rahmat ke atas roh Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy dan menerima amalannya serta amalan kita dan membuka hati kita berbakti ke jalan Allah. Amin.





KONGRES EKONOMI DAN PENGIMARAHAN MASJID PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN

17 Januari 2019 - Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah berjaya menganjurkan Kongres Ekonomi Dan Pengimarahannya Masjid Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 1440H/2019M bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta).

Kongres yang bertemakan “Masjid Berdaya, Ummah Sejahtera” ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Pembangunan Usahawan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP), Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), TV AlHijrah, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Kumpulan Media Karangraf, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan Johor Corporation (JCorp).

Sekitar 1,500 orang peserta telah menghadiri kongres ini yang terdiri daripada Pengerusi serta Jawatankuasa Kariah Masjid dan surau Jumaat dan surau-surau di Wilayah Persekutuan di samping peserta dari Jabatan dan agensi, pertubuhan bukan kerajaan (Ngo’s) dan orang perseorangan. Acara Mini Karnival yang melibatkan pameran pelbagai agensi turut diadakan pada sebelah pagi.

Majlis pada kali ini dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dengan acara pelancaran “Program Masjid berkonsepkan RAHMAH Peringkat Wilayah Persekutuan”. Kongres ini menyaksikan enam pembentangan kertas kerja yang meliputi pelbagai tajuk berkaitan Ekonomi dan pengimarahannya Masjid. Pengerusi SWADD, Ustaz Haji Mohd Nazri bin Chik turut membentangkan kertas kerja yang bertajuk ‘Pengurusan Kewangan Masjid Yang Dinamik’.

Resolusi kongres ini telah dibentangkan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI dan diserahkan kepada Pengerusi MAIWP, YBhg. Dato’ Sri Syed Hussein bin Abdul Kadir yang turut menyempurnakan majlis penutup kongres berkenaan.

SEMINAR PENGHAYATAN SURAH AL-FATIHAH & SOLAT (FALAH) SIRI 3

Sambungan daripada muka surat 1

Pada sesi kedua, para peserta didedahkan mengenai praktikal Solat dengan tajuk “Solat Biar Sempurna” yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Zaki Zulkifli. Beliau telah menerangkan praktikal Solat bermula dari rukun yang pertama hingga akhir bagi mendapatkan kesempurnaan dalam melaksanakan Solat. Peserta sangat teruja dengan menumpukan sepenuh perhatian atas penyampaian yang diberikan oleh beliau dan memberikan pelbagai pertanyaan untuk merungkai permasalahan berkaitan.

Sesi pembentangan ketiga sebelah petang dirancakkan lagi oleh Ustaz Dr Azahar Yaakub dari Daraini Management Academy (DMA). Beliau telah mengupas kehebatan surah Al-Fatihah melalui kertas kerja yang bertajuk “Seven Habits Surah Al-Fatihah”.

Kesemua 7 ayat Al-Fatihah ini diperincikan dengan memperlihatkan kehebatan surah Al-Fatihah ini dalam aplikasinya dalam kehidupan seharian.

Majlis perasmian seminar FALAH 3.0 ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Ustaz Haji Anuar Hakim bin Haji Saleh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Turut hadir sebagai tetamu kehormat dalam majlis perasmian ini ialah Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi SWADD

dan Ustaz Yahya Mahyuddin bin Utth Said, Ketua Imam Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur.

Di dalam ucapan perasmian, Ustaz Haji Anuar Hakim mengucapkan tahniah kepada para peserta kerana dapat menghadiri seminar FALAH 3.0 ini walaupun tajuk yang dibincangkan ini nampak asas, tetapi diambil berat oleh para peserta. Beliau juga menekankan kepentingan ibadah kepada Allah memerlukan ilmu yang sempurna.

“Saya juga mengucapkan tahniah kepada SWADD dan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, KI yang telah berjaya menganjurkan seminar Falah 3.0 iaitu penganjuran kali ke 3 dan berharap akan lebih banyak lagi program seperti ini dianjurkan bagi memberi ilmu kepada masyarakat kita”, demikian petikan ucapan Ustaz Haji Anuar Hakim, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid JAWI.

Majlis perasmian diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati. Pengerusi SWADD telah menyampaikan cenderahati kepada perasmian seminar Falah 3.0, Ustaz Haji Anuar Hakim dan kepada Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. sebagai tanda penghargaan atas kerjasama yang dijalinan. Pihak Masjid Jamek Sultan Abdul Samad turut tidak melepaskan peluang untuk saling menyampaikan cenderahati kepada SWADD atas kerjasama strategik yang telah dijalinan.





30 - 31 Mac 2019 – SWADD dengan kerjasama NGO Murobbi telah menganjurkan Kem Remaja USWAH 2019 bertempat di Nur Laman Bestari Eco Resort, Ulu Yam, Selangor. Kem yang julung-julung kalinya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 34 orang peserta daripada 6 buah sekolah menengah sekitar Kuala Lumpur. Kebanyakan peserta tingkatan 4 dan 5 ini terdiri daripada kepimpinan pelajar di sekolah masing-masing. Tema “Remaja Uswah Membina Qudwah” ini telah diangkat untuk memastikan objektif kem ini iaitu menghimpunkan remaja muslim di Kuala Lumpur yang mempunyai bakat kepimpinan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi SWADD. Dalam ucapan beliau mengingatkan kepada para peserta agar mengikuti contoh teladan yang ditunjukkan oleh baginda Nabi SAW dalam pelbagai aspek kehidupan. Beliau juga mengharapkan agar para peserta yang keluar dari kem ini akan menjadi contoh yang baik kepada remaja di luar sana.

KEM REMAJA USWAH

Forum USWAH yang bertajuk “Pemuda Hari Ini, Pemuda Akan Datang” telah disampaikan oleh Pencetus Ummah Ustaz Akram Ikrami bin Taib Azamudden, Finalis Pencetus Ummah musim ke 4 sebagai panel pertama. Manakala, Ustaz Muhammad Farhan Md Zin seorang pendakwah muda sebagai panel ke 2.

Dalam kem ini juga para peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menguji minda dan fizikal.

Kem yang berlangsung selama 2 hari ini diharapkan agar dapat membentuk para peserta menjadi remaja contoh masyarakat. Pihak SWADD mengucapkan jutaan terima kasih kepada para peserta dan ibu bapa serta guru yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan kem ini.



WORLD CONVENTION AL-KAHFI

17 April 2019 - SWADD dengan kerjasama JAWI, JAKIM dn MAIWP serta rakan strategik iaitu Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (YWUI), Kumpulan Media Karangkrif, Masjid Asy-Syakirin KLCC, TV AlHijrah, Yayasan Restu dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan “World Convention Al-Kahf Sempena Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-61” pada 11 Syaaban 1440H bersamaan 17 April 2019M bertempat di Dewan Mukhtamar, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur bermula pada jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Majlis Perasmian Penutupan konvensyen ini telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail manakala ucapan aluan disampaikan oleh YBhg. Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim, Ketua Pengarah JAKIM.

Semasa majlis perasmian penutupan juga diadakan penggulungan resolusi Al-Kahfi oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI sebelum resolusi diserahkan oleh Ketua Pengarah JAKIM kepada Timbalan Perdana Menteri di penghujung majlis.

Kira-kira 1,600 peserta meluangkan masa menghadiri program tersebut dalam usaha mendekati diri dengan al-Quran. Selain Wacana Al-Kahf, World Convention Al-Kahf turut menganjurkan pelbagai majlis ilmu yang disediakan secara percuma kepada para pencinta al-Quran.

Antaranya ialah Quran Moment, Pesan Ulama', Tadabbur Surah Al-Kahfi (Cabaran Spiritual, Ilmu, Harta dan Penguasa) serta segmen wacana Al-Kahf: Motivasi Diri.

SWADD di dalam Konvensyen ini telah menyumbangkan beg konvensyen untuk para peserta yang hadir ke program ini. Pada masa sama, sepanjang konvensyen ini berlangsung, reruai pameran berkaitan Al-Quran disediakan di ruang legar Dewan Mukhtamar di samping sudut fotografi yang disediakan bagi memberi peluang orang ramai merakamkan kenangan. Terdapat beberapa resolusi yang telah dicapai dalam konvensyen ini ialah ;



Resolusi Al Kahfi ayat 9-26 dalam menghadapi cabaran iman. Negara akan mengambil inisiatif membina para pemuda dan belia melalui kempen-kempen yang digerakkan dengan jaringan kerjasama antara agensi dan badan bukan kerajaan iaitu NGO yang mempunyai pelbagai kemahiran, strategi dan kepakaran dengan mengambil kira kepentingan polisi yang berdasarkan prinsip dan peruntukkan perlembagaan Malaysia akta enakmen atau ordinan negeri secara terancang dan bersistematik.

Resolusi Al Kahfi ayat 32-44 pengurusan cabaran harta. Kempen dan reformasi untuk memperkukuhkan tadbir urus negara secara kolektif dan dinamis melalui prinsip-prinsip yang adil dan amanah.

Resolusi Al Kahfi ayat 60-82 mendepani cabaran ilmu. Menggalakkan kempen inovasi kepada segenap lapisan masyarakat dari pelbagai kluster dan latarbelakang.

Resolusi Al Kahfi ayat 83-98 cabaran penguasa. Agar melahirkan pemimpin yang adil, prihatin dan turun padang untuk mendekati setiap permasalahan rakyat.

Diharapkan konvensyen ini dapat memberikan maklumat kepada para peserta dan tetamu yang hadir untuk menghayati dan mengambil manfaat sebanyak mungkin melalui ibrah surah Al-Kahfi ini. Konvensyen ini juga diharap dapat menyuntik motivasi diri agar lebih maju dan berjaya dalam kehidupan.



RAMADAN FEST @ SWADD 1441/2019 KALI KE-6

06 Mei – 31 Mei | Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) dengan cemerlangnya telah berjaya dianjurkan Ramadan Fest@SWADD untuk tahun 2019 yang diadakan sepanjang bulan Ramadan bagi menyemarakkan penghayatan bulan mulia ini. Pelbagai aktiviti telah disusun dan dijalankan bagi manfaat para jemaah antaranya ialah kuliah sebelum iftar, bacaan tahlil jamuan iftar (berbuka puasa), solat sunat tarawih, jamuan moreh.



Istimewanya pada tahun ini, kuliah ambang Ramadan telah disampaikan oleh penceramah jemputan khas dari Syria iaitu Syeikh Usamah Badi' Sa'idan al-shami. Beliau membicarakan tajuk Istid'ad Li Syahr Ramadan Al-Mubarak iaitu Persediaan Menyambut Bulan Ramadan. Beliau menyatakan " Di antara persediaan menyambut Ramadan adalah setiap masjid dan surau mengadakan ceramah dan kuliah mengenai Ramadan.

Beliau turut menambah bahawa antara cara mengimarahkan masjid dan surau adalah dengan membersihkan kawasan dan persekitaran rumah Allah.

Selain itu juga, tazkirah zohor Ramadan kali ini memfokuskan Tadabbur Surah Al-Mulk dan disampaikan oleh pegawai-pegawai Syariah Bank Islam. Pengkuliah menghuraikan setiap ayat dari Surah Al-Mulk sehingga ayat terakhir supaya jemaah dapat mengambil ibrah dan intipati kelebihan Surah Al-Mulk dengan lebih jelas. Surah Al-Mulk adalah satu surah yang sangat dekat dengan masyarakat kita kerana ia

Majlis berbuka puasa yang diadakan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat di dataran Menara Bank Islam merupakan acara yang mendapat sambutan yang hebat. Majlis ini adalah merupakan tajaan SWADD dan Bank Islam di samping terdapat juga syarikat-syarikat sekitar dan individu-individu yang menyumbang bagi menyajikan juadah berbuka puasa secara percuma kepada 500 orang tetamu terdiri daripada pekerja-pekerja pejabat sekitar Menara Bank Islam, pemandu teksi, pekerja buruh, gelandangan serta pelancong luar negara. Para jemaah berpuas hati dan memuji mengenai majlis berbuka puasa anjuran SWADD dan Bank Islam kerana sedikit sebanyak membantu semua lapisan masyarakat.

Dewan solat utama SWADD terus diimarahkan lagi dengan solat sunat tarawih yang dipimpin oleh pegawai SWADD dan Imam Ratib SWADD. Secara purata, 100 orang jemaah muslimin dan muslimat telah hadir memeriahkan SWADD pada sebelah malamnya. Setelah selesai solat tarawih dan witr jemaah disajikan dengan jamuan moreh. Semoga dengan Ramadan Fest@SWADD 2019 ini dapat memberikan banyak manfaat dan ruang kepada para jemaah khususnya warga kota bagi mengisi dan menghidupkan Ramadan dengan ibadah walaupun sibuk dengan kerjaya.



15 Julai 2019, Isnin | Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) buat kesekian kalinya telah mengadakan Majlis Kerajinan Bakal Hujjaj 1440H dengan kerjasama Kelab Bank Islam Ibu Pejabat. Majlis ini sebagai penghargaan kepada para jemaah yang sentiasa menyokong dan mendukung SWADD selama ini.

Seramai 26 orang bakal haji dan hajjah yang terdiri daripada kakitangan Bank Islam, MBSB Bank, Exxon Mobil, Kuwait Finance House dan JX Nippon O&G Sdn Bhd. Majlis yang diadakan di Ruang Solat Utama ini adalah sebagai satu penghargaan kepada bakal jemaah haji di samping berkongsi kegembiraan kerana terpilih sebagai tetamu Allah untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima.

MAJLIS MERAIKAN BAKAL HUJJAJ 1440H

Majlis dimulakan dengan kuliah Zohor khas yang disampaikan oleh Ustaz Haji Mohd Hasnil Abu Bakar, Pembimbing Haji Tabung Haji sebagai penceramah jemputan. Dalam kuliah zohor yang bertajuk "Ibrah Sebagai Tetamu Haramain", Ustaz Haji Mohd Hasnil mengingatkan kepada para jemaah; "Mereka yang mengerjakan ibadah haji terutamanya di Padang Arafah supaya sibukkan diri dengan ibadah dan doa bersungguh-sungguh kepada Allah serta tinggalkan telefon bimbit sementara dan offline data supaya kita tidak terganggu fokus untuk beribadah."

Majlis penyampaian cenderahati kepada bakal haji disampaikan oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik, Pengerusi SWADD kepada kakitangan Bank Islam manakala Puan Siti Suryati Abu Sujak, Ahli Jawatankuasa SWADD kepada bakal hajjah. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh penceramah jemputan.



STREET RAYA MASJID DAN SURAU WILAYAH PERSEKUTUAN

6 Julai 2019 - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menganjurkan Program Street Raya di Dataran Merdeka memabatkan Masjid dan Surau Jumaat di Wilayah Persekutuan dengan pelbagai rakan strategik seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) adalah di antara 10 buah Surau Jumaat terpilih dalam menyediakan gerai jamuan.

Ustaz Mohd Ajib Ismail, Pengarah JAWI berkata, penganjurannya diilhamkan menerusi konsep menghimpunkan Masjid serta Surau Jumaat terpilih untuk menyediakan gerai jamuan masing-masing bagi menyantuni orang ramai serta mendekatkan institusi Masjid dan Surau dengan orang ramai. Program yang julung kali diadakan itu bermula jam 2 hingga 6 petang itu telah melibatkan sebanyak 71 buah Masjid dan 10 buah Surau Jumaat termasuk dua dari Putrajaya dan satu dari Labuan.

“Inisiatif yang dilaksanakan JAWI bersama rakan strategik diharapkan akan dapat menyerlahkan peranan Masjid dan Surau Jumaat yang bukan saja dijadikan sebagai tempat ibadat, namun ia juga berperanan dalam menyantuni dan mendekatkan masyarakat kepada Masjid melalui pendekatan seperti ini,” katanya.

Pelbagai menu dan juadah disediakan seperti menu utama iaitu sajian 70 ekor kambing bakar, 50,000 cucuk sate, 200 ekor ayam pusing, nasi Arab dan nasi lemak. Dua tan buah durian, turut disediakan. SWADD turut menyumbang 3 ekor kambing bakar.

Kira-kira 20,000 warga kota termasuk pelancong menghadiri jamuan Street Raya di Dataran Merdeka ini. Lebih manis, program ini mendapat pengiktirafan The Malaysia Book of Records sebagai perhimpunan terbesar memabatkan Masjid dan Surau Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pelancaran Street Raya ini disempurnakan Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir YB Khalid Abd Samad, Menteri Wilayah, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan dan Ustaz Mohd Ajib Ismail, Pengarah JAWI.

PROGRAM SURAU SATELIT

Bermula 2018 yang lalu, satu inisiatif telah diambil oleh pihak pengurusan Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD) untuk menjayakan satu projek yang dinamakan “Surau Satelit”. Projek Surau Satelit ini bertujuan untuk membantu usaha dan perjalanan dakwah di sekitar Kuala Lumpur dengan mengenalpasti beberapa buah surau di bandaraya ini untuk dibantu dari segi penyediaan dana dan idea pengimarahkan. Projek ini dapat memperluaskan penggunaan dana kutipan para Jemaah SWADD untuk membantu masyarakat Kuala Lumpur kepada Institusi Surau khususnya yang memiliki kemampuan kewangan terbatas.

Alhamdulillah pada tahun 2019, Program Surau Satelit anjuran SWADD telah berjaya mengenalpasti 2 buah surau iaitu Surau Ar Rahmaniah, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru dan Surau Ehsaniah, Pangsapuri Bukit Baru, Keramat untuk dibantu bagi menghidupkan surau-suru tersebut dengan aktiviti keagamaan dan keilmuan.

antara pengisian yang dijalankan adalah seperti Kuliah Dhuha mingguan, Ceramah Khas sempena Hari Kebesaran Islam, Kursus dan Seminar Ilmiah serta Kursus Motivasi. Alhamdulillah, semenjak program dijalankan, sambutan yang sangat baik diterima daripada ahli qariah dan penduduk tempatan terhadap aktiviti yang dijalankan.



Program yang dijalankan memberi impak yang cukup berkesan kepada masyarakat tempatan. Melalui kepelbagaian aktiviti, dakwah melalui ilmu dapat diserapkan dan disampaikan kepada Jemaah. Kesannya, kedua-dua surau terbabit begitu makmur dengan kehadiran yang ramai dalam setiap aktiviti. Solat berjemaah dapat dihidupkan manakala pelbagai infrastruktur dapat dilengkapkan. Bahkan, rata-rata Jemaah yang hadir mengharap lebih banyak aktiviti dapat dijalankan pada masa hadapan.

Semoga projek Surau Satelit ini dapat diperluaskan serta sebagai kesinambungan dakwah, memberi kefahaman Ilmu dan Islam kepada masyarakat selain mengimarahkan rumah-rumah Allah.



JELAJAH KEWANGAN ISLAM PUSAT PUNGUTAN ZAKAT & BANK ISLAM

20 Disember 2019 - Bank Islam Malaysia Berhad dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Jelajah Kewangan Sosial Islam bertempat di Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy. Kuliah dan khutbah Jumaat telah disampaikan oleh Ustaz Haji Mohd Nazri Chik yang merupakan Ketua Pegawai Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad merangkap Pengerusi SWADD. Tajuk yang telah disampaikan ialah "Zakat, Wakaf & Sedekah, Membangun Ummah".

SWADD bertuah kerana turut hadir solat di SWADD ialah Mejar Jeneral (B) Dato' Aminuddin Ihsan Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam yang sedang menghadiri Kuala Lumpur Summit 2019 di Kuala Lumpur Convention Centre.



ZIARAH ZOHOR IKIM

14 Mac 2019 - SWADD telah dihadiri oleh pihak Radio IKIM dalam program Ziarah Zohor IKIM yang berlangsung di dewan solat utama SWADD. Rombongan diketuai oleh Puan Hajjah Fairus Haji Nordin. Antara pengisian dalam program ini ialah bual bicara bersama Ustaz Haji Mohd Nazri Chik yang merupakan Pengerusi SWADD yang bertajuk "Sedekah dan Wakaf, Melestari Pembangunan Ummah". Dalam ucapan beliau menekankan tentang kepentingan berwakaf dan sedekah. Bual bicara tersebut dikendalikan oleh Dj Suffian Amrin yang merupakan salah seorang juruhebah radio IKIM. Seterusnya, majlis diseriakan lagi dengan sesi perkenalan bersama juruhebah-juruhebah Radio IKIM dan kumpulan nasyid Rabbani.

Majlis diakhiri dengan persembahan nasyid yang disampaikan oleh kumpulan Rabbani dan penyampaian cenderahati daripada pihak SWADD kepada pihak IKIM dan Rabbani.

"Kami amat mengalu-alukan Radio IKIM datang lagi, bahkan juga mendatangkan idea-idea baru yang boleh meningkatkan kolaborasi di antara SWADD, Bank Islam dan IKIM. Kerjasama dua organisasi ini pasti membawa impak yang lebih besar daripada bersendirian" demikian ujar Pengerusi SWADD.

Program Ziarah Zohor IKIM juga diteruskan di beberapa surau terpilih yang lain



MASTERCLASS PERBANKAN & KEWANGAN ISLAM 2019

18 Disember 2019 - Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy (SWADD), dengan kerjasama Bahagian Syariah Bank Islam Malaysia Berhad telah berjaya menganjurkan "Masterclass Perbankan & Kewangan Islam 2019" pada 18 Disember 2019 bertempat di Mega View Banquet Hall, KL Tower, Kuala Lumpur yang bermula jam 8.00 pagi hingga 1.30 tengah hari.

Program ini mensasarkan peserta di kalangan para Ilmuan yang memberikan ilmu di kalangan masyarakat agar mereka dibekalkan dengan aspek-aspek pengurusan kewangan Islam untuk manfaat akan datang. Antara peserta yang hadir ialah Prof Madya Dr Sukki Othman, Ustaz Shahrizan Daud, Ustaz Zulkarnain Hamzah, Imam Muda Asyraf dan ramai lagi. Seramai 30 peserta telah menghadiri program ini yang

mengupas isu-isu kewangan Islam dengan tajuk pada sesi 1 iaitu 'Perbankan dan Kewangan Islam: Realiti dan Isu-Isu Semasa Syariah' yang telah dibentangkan oleh Us Anuar Elias, Pengurus Kanan Syariah, Bank Islam.

Pada sesi 2 pula, Us Mohd Zikri Mohd Shairy, Pengurus Kanan Syariah, Bank Islam telah membentangkan tajuk berkaitan Inovasi Perbankan Islam dan Perkhidmatan Kewangan Sosial. Majlis perasmian penutupan program ini telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah, Bank Islam yang juga merangkap Pengerusi SWADD.

Diharapkan program ini dapat memberikan kefahaman kepada para peserta yang hadir untuk memahami dan mengambil maklumat berkaitan isu-isu perbankan dan kewangan Islam.



SOLAT SUNAT & KHUTBAH GERHANA MATAHARI

Pada 26 Disember 2020, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy telah melaksanakan solat sunat gerhana atau solat khusus berikutan berlakunya fenomena gerhana matahari Anulus (cincin) yang berlaku di Malaysia hari ini. Solat sunat gerhana ini telah dilaksanakan serentak di masjid dan surau seluruh Malaysia selepas menunaikan solat zohor.

Di SWADD, solat sunat gerhana matahari telah diimamkan oleh Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah yang disertai hampir 200 jemaah. Sejurus menunaikan solat sunat gerhana matahari, Muhammad Syazwan turut menyampaikan khutbah yang bertajuk 'Menggalai Rahsia Keagungan Allah dan antara isi penting dalam khutbah tersebut adalah fenomena gerhana matahari yang merupakan antara bukti kekuasaan Allah Swt.

Kali terakhir fenomena yang unik ini terlihat di Malaysia adalah 21 tahun yang lalu di Mersing, Johor.

KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

KULIAH ZOHOR



Ustaz Abdul Rahim Nasir
Hari Isnin minggu pertama
"Kitab Iman & Kehidupan"



Ustaz Haji Anuar Elias
Hari Selasa minggu pertama
"Fiqh Muamalat : Fiqh Manhaji"




Ustaz Salehuddin Abu Samah
Hari Rabu minggu pertama
"Fiqh Solat : Kitab al-Muktamad"



Ustaz Awang Mamat
Hari Khamis minggu pertama & ke-3
"Kitab Fiqh Kekeluargaan & Minhajul Abidin"



Ustaz Ikram Badardin
Hari Isnin minggu ke-2
"Kitab Kehidupan Para Sahabat"



Ustaz Mohd Zaki Zulkifli
Hari Selasa minggu ke 2
"Kitab Adillatun Nurain"



Ustaz Haji Mohamad Faiz Ibrahim
Hari Rabu minggu ke-2
"Perubatan Islam"



Ustaz Haji Mohd Nazri Chik
Hari Khamis minggu ke-2
"Kitab Tafsir Ayat Ahkam As-Sobuni"



Ustaz Abdul Aziz Arof
Hari Isnin minggu ke-3
"Kitab Sirah Nabawiyah"



Ustaz Mohd Juzaili Juhan
Hari Selasa minggu ke-4
"Kitab Bulugh al-Maram"




Ustaz Imam Muda Hafiz
Hari Rabu minggu ke-3
"Kitab Tazkirah Imam Qurthuby"



Ustaz Nor Raihan Aziz
Hari Khamis minggu ke-4
"Kitab Bahrul Mazi"

KULIAH ZOHOR @ RAMADAN FEST | TADABBUR SURAH AL-MULK



Ustaz Mohamad Faiz Ibrahim
"Ayat 1-2: Hikmah Penciptaan Kematian & Kehidupan"




Ustaz Mohd Hamidullah Che Hassan
"Ayat 3-5: Menyingkap Keagungan Allah Menerusi CiptaanNya"




Ustaz Mohd Zikry Mohd Shairi
"Ayat 8-9: Mendengar Peringatan & Mengikutinya"



Ustaz Ali Othman
"Ayat 10-11: Pengesalan yang tiada gunanya"



Ustaz Syaizrazi Muhammad Husni
"Ayat 12-13: Meyakini Pengawasan Allah"



Ustaz Anuar Elias
"Ayat 14-15: Bertebaran Mencari Rezeki Allah"




Ustaz Saiful Anuar Hambali
"Ayat 16-17: Keamanan & Ketenangan Milik Allah"



Ustaz Abdul Hadi Md Rofiee
"Ayat 18-20: Kebiasaan Kaum Terdahulu"



Ustaz Muhammad Syazwan Hamzah
"Ayat 21-22: Perbezaan Antara Mukmin & Kafir"



Ustaz Anuar Elias
"Ayat 23-24: Bersyukur dengan Nikmat Pendengaran, Penglihatan & Hati"



Ustaz Mohd Juzaili Juhan
"Ayat 25-26: Keyakinan Kepada Hari Kiamat"



Ustaz Hud Saleh Huddin
"Ayat 29-30: Tawakkal Kepada Allah"

KULIAH TAMAN SYURGA @ SWADD

KULIAH PERDANA



Ustaz Dr Mohd Zamri Zainuldin
"Mantapkan Azam"
22 Januari 2019



Ustaz Zul Ramli M Razali
"Ibu Bapa Berkerjaya: Bagaimana
Membina Keluarga Bahagia"
19 Februari 2019



Ustaz Ahmad Shukri Yusoff
"Jadi Kaya Dengan Zakat"
19 Mac 2019



**Ustaz Wan Abdul Halim
Wan Harun**
"Merungkai Kekeliruan Hukum
Faraid"
23 April 2019



Ustaz Ahmad Husni Abd Rahman
"Pendusta Agama"
18 Jun 2019



Ustaz Dr Mohd Elyas Ismail
"Jalan Mudah Ke Syurga"
23 Julai 2019



**Ustaz Syed Norhisyam
Tuan Padang**
"Kisah Buat Hati"
27 Ogos 2019



Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani
"Bersendirian di Barzakh"
24 September 2019



Ustaz Mohd Kazim Elias
"Mengukuh Ukhuwwah
Menyatu Ummah"
24 Oktober 2019



Ustaz Abdul Karim Omar
"Akhlaq Nabi Adalah
Al-Quran"
26 November 2019

BICARA MUFTI



**Prof Madya Dato Dr. Mohd
Izhar Arif Mohd Kashim**
"Mukmin Professional, Integriti
& Kompetensi"
23 Disember 2019



**Sahibus Samahah Dato' Seri
Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri**
Mufti Wilayah Persekutuan



Sheikh Hisyam Kamil Hamid Musa
"Nasihat Agama"
17 September 2019



**Syeikh Usamah Badi'
Sa'idan Al-Shami**
"Persiapan Menghadapi
Ramadan Al Mubarak"

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :

إِذَا مَرَرْتُمْ بِرِیَاضِ الْجَنَّةِ
فَارْتَعَوْا قَالُوا وَمَا رِیَاضُ
الْجَنَّةِ قَالَ حَلَقُ الذَّكْرِ .

Nabi SAW bersabda :
"Jika kalian melalui taman-taman syurga
maka berhentilah. Mereka bertanya,
Apakah taman syurga itu?
Baginda menjawab, halaqah zikir
(majlis Ilmu)."

(Riwayat Imam Al Timiz)

KULIAH JUMAAT



Ustaz Muhadir HJ Joli
"Kitab: Hadis Amalan Sedikit
Pahala Berganda"
Setiap Minggu Pertama



Ustaz Azhar Yahya
"Santunan Rasulullah Terhadap
Non Muslim"
Setiap Minggu Kedua



Ustaz Hanafiah Abd Malek
"Tak Kenal Maka Tak Cinta"
25 Januari 2019



Ustaz Mohd Radhi Abd Ghani
"Kenapa Zikir"
15 Februari 2019



Ustaz Tuan Asmawi Tuan Umar
"Sihir dalam Rumah tangga"
22 Mac 2019



Ustaz Tarmizi Abd Rahman
"Al-Quranku Sahabatku"
26 April 2019



Ustaz Dr Luqman Ibrahim
"Sedekah Talian Hayat"
17 Mei 2019




Ustaz Pahrol Mohamad Juoi
"Maafkan Kesalahan Insan"
28 Jun 2019



Ustaz Ihsan Mohamad Daud
"Anak Tak Sah Taraf"
26 Julai 2019



Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud
"Di Sebalik Khutbah Jumaat"
16 Ogos 2019



Ustaz Hassan Adli
"Tahsinul Ibadah"
27 September 2019



Ustaz Mohd Nazri Chik
"Memperkasa Wakaf, Zakat & Sedekah
Membangun Ummah"
1 November 2019

HULURKAN SUMBANGAN ANDA

Firman Allah SWT

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ
لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

“Bandangan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.” (Al-Baqarah : 261)

SUMBANGAN ANDA BOLEH DISALURKAN MELALUI :

1

Nombor akaun:

BANK ISLAM

140 140 101 463 30

Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy
Tabung Sumbangan

2



Langkah

1

Muat turun aplikasi SnapNPay di **Play Store (Android)** atau **App Store (iOS)**

Langkah

2

Pilih i-sedekah

Langkah

3

Cara Pembayaran

- Imbas imej QR
- Klik pada pautan yang dipaparkan dan pilih/masukkan amaun sumbangan (iOS), atau pilih/masukkan amaun sumbangan (Android)
- Ikut langkah yang dipaparkan dan selesai

Pihak Pengurusan SWADD mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh jemaah di atas sumbangan dan derma yang diberikan kepada SWADD selama ini. Hanya ALLAH SWT membalas segalanya dengan ganjaran yang berlipat ganda di sisiNya.



LAPORAN KEWANGAN

(JANUARI - DISEMBER 2019)

SURAU WAKAF AHMAD DAWJEE DADABHOY
MENARA BANK ISLAM, TINGKAT B1
NO.22, JALAN PERAK, 50450 KUALA LUMPUR



PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR DISEMBER 2019

ITEM	JAN '19 (RM)	FEB '19 (RM)	MAR '19 (RM)	APR '19 (RM)	MEI '19 (RM)	JUN '19 (RM)	JUL '19 (RM)	AUG '19 (RM)	SEP '19 (RM)	OKT '19 (RM)	NOV '19 (RM)	DIS '19 (RM)
Baki Tunai di Bank	413,504.03	436,569.89	441,398.71	477,703.47	493,640.95	466,515.18	439,836.61	475,413.62	504,602.78	533,512.16	590,799.24	620,944.35
Tambah : Penerimaan Tunai												
Tabung Surau	88,553.00	73,907.00	127,373.00	96,454.00	129,769.00	69,093.00	90,334.00	120,093.00	87,974.00	98,898.00	111,708.00	88,088.00
Sumbangan Dan Derma	1,965.00	62.00	55.00	241.00	99,150.00	186.00	193.00	209.00	125.00	237.00	250.00	29,553.32
Lain-lain Pendapatan	842.92	689.57	3,395.01	950.28	1,349.69	2,893.08	497.40	1,153.49	1,092.48	1,368.94	276.15	19,176.01
Jumlah Penerimaan Semasa	91,360.92	74,658.57	130,823.01	97,645.28	230,268.69	72,132.08	91,024.40	121,455.49	89,191.48	100,503.94	112,234.15	136,817.33
Tambah : Pencairan Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	-	-	-	-	210,220.66	-	-	-	-	-	-	-
Tolak : Perbelanjaan Tunai												
Alatulis & Cetakan	2,500.00	-	-	-	628.00	-	3,300.00	5,000.00	-	-	2,181.10	-
Bantuan & Sumbangan	630.00	15,450.00	10,000.00	11,960.00	5,000.00	-	1,003.00	1,017.00	-	3,000.00	-	-
Belanja Pelbagai	7,853.50	1,000.50	1,003.00	1,002.00	3,001.60	-	1,003.00	5,000.00	5,909.50	1,003.50	2,341.00	1,153.50
Belian Aset Surau	-	598.00	-	-	5,000.00	-	-	-	-	-	-	-
Jamuan Dan Keraijan	500.00	3,200.00	3,500.00	6,425.00	50.00	3,450.00	3,450.00	3,500.00	3,450.00	250.00	6,700.00	3,450.00
Kawalan Keselamatan	2,458.60	954.00	1,667.80	800.00	1,000.00	800.00	800.00	1,000.00	800.00	800.00	1,000.00	800.00
Kos Petugas Surau	20,811.30	24,254.22	47,558.30	28,018.57	32,924.30	19,925.10	21,171.85	19,842.30	21,035.80	14,634.30	26,131.55	20,853.10
Kos Perlindungan	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00	800.00
Majlis Ceramah Dan Kuliah	18,000.00	-	10,600.00	9,500.00	1,800.00	8,300.00	9,700.00	10,600.00	10,700.00	9,700.00	10,600.00	9,300.00
Majlis Khas Dan Kursus	3,600.00	4,300.00	6,397.00	9,765.70	1,800.00	-	7,400.00	1,400.00	3,400.00	3,400.00	2,800.00	7,150.00
Majlis Sambutan Islam	-	-	-	-	140,300.00	-	-	-	-	-	-	-
Pembaikan Dan Penyelenggaraan	4,315.00	15,000.00	12,760.00	1,137.00	19,660.00	1,500.00	4,137.74	27,917.50	7,950.00	800.00	15,900.00	10,145.00
Sumbangan Sadaqa House	-	-	-	-	-	25,302.80	3,452.65	4,516.70	6,004.65	4,998.70	4,944.90	5,585.40
Utiliti	6,826.66	4,273.03	232.15	12,299.53	7,451.22	232.15	232.15	11,672.83	232.15	5,230.36	7,890.49	3,417.50
Jumlah Perbelanjaan	68,295.06	69,829.75	94,518.25	81,707.80	217,615.12	98,810.65	55,447.39	92,266.33	60,282.10	43,216.86	82,089.04	62,654.50
Tolak : Pembukaan Pelaburan Wafiyah	-	-	-	-	250,000.00	-	-	-	-	-	-	-
Baki Tunai di Bank	436,569.89	441,398.71	477,703.47	493,640.95	466,515.18	439,836.61	475,413.62	504,602.78	533,512.16	590,799.24	620,944.35	695,107.18
Pelaburan Deposit Bertempoh (i) Tawarruq	207,880.32	208,481.75	209,009.52	209,595.32	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan Wafiyah	-	-	-	-	250,000.00	250,000.00	250,000.00	252,236.99	252,236.99	252,236.99	254,430.41	254,430.41
Akaun Sumbangan	1,138.98	3,024.41	9,716.99	50,001.35	20,149.42	22,527.09	23,362.97	24,320.96	26,315.04	27,475.64	28,494.32	15.88
Penjar Wang Runcit	1,651.30	1,031.10	826.60	546.40	1,862.60	1,862.60	1,597.60	1,379.60	1,206.10	896.10	820.95	-
Baki di Bank Dan Pelaburan	647,240.49	653,935.37	697,256.58	753,784.02	738,527.20	714,226.30	750,374.19	782,540.33	813,270.29	871,407.97	904,690.03	949,553.47

Muhammad Nazrie Abdurrahim
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam

Hajji Muhammad Fariz Ibrahim
Benjahari

Hajji Syahril Azlee Abdullah
Pemeriksa Kira-Kira

SWADD @ MEDIA BARU

like | share | follow



Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy,
Menara Bank Islam



[instagram.com/swadd_mbi/](https://www.instagram.com/swadd_mbi/)



twitter.com/swadd_mbi




Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy,
Menara Bank Islam



www.swadd.com.my



Facebook page for Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, Menara Bank Islam. The page features a header with the surau's name in Malay and English, along with a logo. Below the header, there is a navigation menu with options like Home, About, Photos, Events, Videos, Posts, and Community. A 'Create post' section is visible, along with a 'Send Message' button. The page also displays a 'Like' button and a 'Following' status.



Instagram profile for swadd_mbi. The profile shows 488 posts, 486 followers, and 25 following. The bio includes the name 'Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy', the 'Facebook' link, and the 'Website' link. There are three profile pictures shown below the bio.



Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy MBI @swadd_mbi. Contact Us: Pejabat Pengurusan SWADD : 03-21646317/6318. Whatsapp : 011-42 088 088. Email : info@swadd.com.my. Joined September 2019. 3 Following 3 Followers.



Main content of the Surau website. It features a header with the surau's name in Malay and English, and a navigation menu. Below the header, there are logos for AMAL, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, and BANK ISLAM. The main heading reads 'Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy Menara Bank Islam'.

